

1,000 penduduk Kota Marudu dibawa ke tempat selamat

KOTA MARUDU: Hujan lebat melanda daerah ini sejak dua minggu lalu menyebabkan pemindahan penduduk beberapa kampung yang terbabit dalam projek pembinaan Empangan Milau, di sini terpaksa dipercepatkan bagi mengelakkan mereka terperangkap dalam banjir.

Ia berikutan kawasan tadahan hujan di empangan itu mula dinaiki air sejak dua minggu lalu, sekali gus 119

FAKTA NOMBOR

90
keluarga

Mangsa banjir di Sabah sudah dipindah ke penempatan semula

29
keluarga

Belum berpindah

keluarga membabitkan kira-kira 1,000 penduduk terpaksa dipindahkan dengan segera ke penempatan semula. Setakat ini, 90 keluarga sudah dipindahkan, manakala baki 29 keluarga lagi akan dipindahkan tidak lama lagi.

Ahli Parlimen Kota Marudu, Datuk Dr Maximus Ongkili, berkata antara penduduk yang sudah dipindahkan adalah dari Kampung Garau, Kiopu, Bonduk, Narandang and Nongkul dengan kerajaan

negeri menyediakan rumah baru lebih selesa untuk mereka di dua kawasan penempatan semula kira-kira 15 kilometer dari kampung asal.

"Walaupun kawasan penempatan semula itu belum sempurna dari aspek sistem saliran, bekalan air bersih, rumah ibadat dan padang rekreasi, pemindahan terpaksa dipercepatkan kerana kawasan tadahan air itu mula dinaiki air," katanya ke-

tika melawat Kampung Garau, di sini semalam.

Empangan Milau yang mula dibina pada 2008 mampu membekalkan 55 juta liter air sehari ke seluruh daerah ini dan Kudat. Pembinaannya menyebabkan penduduk di kawasan sekitar enam kilometer persegi terpaksa dipindahkan ke kawasan tinggi. Empangan setinggi kira-kira 35 meter itu setakat ini sudah dinaiki air 25 meter.

Ongkili berkata, beliau su-

dah berbincang dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan mengenai nasib penduduk yang dipindahkan.

"Jabatan Kerja Raya negeri memberi jaminan tidak akan membayar kontraktor yang membina rumah penduduk jika mereka tidak menyempurnakan sistem saliran dan pelbagai aspek lain," katanya.